

02/07/2001

`Desakan naib cancellor letak jawatan bukan hanya kerana DTC terbakar'

PORT DICKSON, Ahad - Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, menegaskan desakan supaya Naib Cancellor Universiti Malaya (UM), Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, meletakkan jawatan bukan hanya kerana kejadian kebakaran Dewan Tuanku Cancellor (DTC), kelmarin.

Katanya, masalah lebih serius ialah UM seolah-olah menjadi medan parti pembangkang.

Beliau mempersoalkan jika UM adalah tempat untuk menimba ilmu dan bagaimana parti pembangkang boleh dibenarkan masuk ke universiti tertua di negara ini.

"Kalau pihak terbabit sensitif terhadap perkara ini, apa perasaan mereka terhadap berita yang menghina pemimpin Umno," katanya merujuk kepada risalah yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diedarkan di UM beberapa hari sebelum kebakaran itu.

Beliau berkata demikian selepas majlis prapelancaran Puteri Umno Negeri Sembilan yang dilakukan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, di Hotel Regency di sini, petang ini.

Selain kebakaran itu, beberapa kejadian seperti penerbitan Varsiti 2001 dan penyebaran risalah dengan slogan `Mahasiswa Bersama-Sama Masyarakat' dipercayai dilakukan sekumpulan mahasiswa untuk menghasut masyarakat kampus membenci kerajaan.

Azalina berkata, mana-mana pihak yang hendak mengkritik sepatutnya berani dan bukan bersikap `baling batu sembunyi tangan'.

"Ini cakap sikit hendak melenting, kami generasi muda, jangan hina pemimpin kami. Segala yang diberi, pinjaman, biasiswa, semua daripada kerajaan, termasuk pelantikan mereka yang mentadbir universiti," katanya.

Dalam kes membabitkan UM, Azalina berkata, Puteri Umno berpendirian seolah-olah ada usaha menghalang Perdana Menteri ke universiti itu.

"Dia hendak kritik, tapi tidak boleh menerima kritikan. Ini bukan sifat mereka yang berilmu.

"Bagi saya... saya mahu penjelasan mengenai penyebaran risalah. Bagaimana ini boleh berlaku di universiti itu," katanya.

Bagaimanapun Azalina berkata, Puteri Umno tidak akan mengambil tindakan lanjut berhubung desakan supaya Dr Anuar Zaini meletak jawatannya dan terserah kepada pihak berkuasa menilai memorandum itu.

Kelmarin, Azalina menyerahkan memorandum daripada Puteri Umno mendesak Dr Anuar Zaini, meletakkan jawatan berikutan beberapa insiden buruk di UM, termasuk kebakaran DTC.

(END)